

Sidang Dewan Rakyat

Jumlah subsidi diesel tahun ini dijangka RM14b

Nilai ringgit susut tak harus jadi pengukur kedudukan ekonomi: PM

Oleh Latifah Arifin dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan dijangka menanggung perbelanjaan subsidi diesel secara purata melebihi RM1 bilion sebulan atau bersamaan RM14 bilion bagi tahun ini.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perbelanjaan itu diunjur berdasarkan senario semasa.

"Selanjutnya, jumlah keseluruhan subsidi ditanggung kerajaan ke atas produk diesel bagi 2018 sehingga 2022 adalah melebihi RM35 bilion.

"Daripada jumlah itu, sejumlah RM3.9 bilion dibelanjakan untuk super subsidi diesel sektor perikanan dan hampir RM1 bilion bagi pengangkutan awam.

"Sektor kenderaan barangan tidak diperuntukkan harga super subsidi memandangkan harga belian diesel sama dengan harga runcit diesel di stesen minyak," katanya dalam jawapan bertulis yang dimuat naik laman web Parlimen, kelmarin.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Wong Shu Qi (PH-Kluang) yang meminta kerajaan menyatakan jumlah sub-



Anwar pada Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

sidi diesel dibelanjakan setiap tahun bermula 2018.

Perdana Menteri berkata, pemberian subsidi bertujuan mengelak pengguna terkesan dengan kenaikan harga pasaran sebenar produk petroleum pada peringkat global.

Ketika ini, katanya, harga jualan runcit diesel ditetapkan pada kadar RM2.15 seliter ketimbang harga pasaran, iaitu RM3.75 seliter.

Penyusutan nilai ringgit

Sementara itu, Anwar menjelaskan, penyusutan nilai ringgit dialami dalam tempoh terdekat ini, tidak harus dijadikan pengukur kepada kedudukan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, ia juga tidak menggambarkan asas ekonomi negara sudah terjejas.

Katanya, kejatuhan kadar per-

tukaran ringgit dialami pada ketika ini sebahagian besarnya didorong perkembangan global yang secara khususnya dipengaruhi pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) dan ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi China.

"Keadaan sama turut dialami mata wang serantau seperti yen Jepun, baht Thailand, won Korea, renminbi China, dan peso Filipina yang turut menyusut berbanding dengan dolar AS pada tahun ini.

"Walaupun nilai mata wang ringgit menurun berbanding dolar AS, namun ekonomi Malaysia masih kekal berdaya tahan disokong permintaan domestik yang mampan.

"Pertumbuhan terus diterajui perbelanjaan sektor swasta berikutan penambahbaikan berte-rusan dalam pasaran buruh, pe-

laksanaan projek pelaburan berbilang tahun serta aktiviti pelancongan yang lebih rancak," katanya.

Sebagai negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, Anwar berkata, permintaan terhadap ringgit akan dipengaruhi oleh faktor global.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, jelasnya kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting mengurangkan impak kejutan luaran terhadap aktiviti ekonomi domestik.

"Pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebihan penerimaan pertukaran wang asing yang dipengaruhi kegiatan teras ekonomi negara dijangka akan dapat memperkukuhkan nilai ringgit.

"Langkah jangka masa pendek yang diambil Bank Negara (BNM) akan tertumpu kepada usaha memastikan pelarasan ringgit berada dalam keadaan teratur.

"Untuk menangani kemerupaan pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko dari perkembangan domestik dan luaran serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur," katanya.

Dalam jangka panjang, Perdana Menteri berkata, nilai ringgit boleh diperkukuh melalui pelaksanaan polisi struktur yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing yang berkualiti.